



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14/3/2013

Dua lagi mayat pengganas Sulu ditemui di Sungai Nyamuk

UM-14/3/2013

LAHAD DATU 13 Mac - Dua lagi mayat pengganas Sulu dijumpai oleh pihak keselamatan negara hari ini, bersama sepucuk pistol serta selaras senapang penembak tepat yang dipercayai digunakan untuk menembak Allahyarham Koperal Ahmad Hurairah Ismail semalam.



Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin (**gambar**) berkata, kedua-dua mayat

musuh itu telah dibawa keluar dari kawasan penggeledahan di Sungai Nyamuk, di sini iaitu lokasi tembak menembak yang mengorbankan arwah.

Katanya, operasi bagi menjejak musuh itu bermula pukul 7.15 pagi ini.

"Dalam kejadian tembak menembak semalam di Sungai Nyamuk, pihak keselamatan negara percaya telah berjaya menembak tiga anggota

pengganas, tetapi hanya dua mayat musuh ditemukan.

"Namun dalam operasi hari ini, kita berjaya menemukan dua lagi mayat musuh, sekali gus menjadikan jumlah musuh yang berjaya ditembak mati sebanyak 58 orang," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar.

Mengulas lanjut, Zulkifeli berkata, kawasan penggeledahan telah diperluaskan sehingga menghampiri Kampung Tanjung Batu.

Beliau berkeyakinan operasi menggeledah seluruh Kampung

Sungai Nyamuk yang terletak antara Kampung Tanduo dan Tanjung Batu itu, akan dapat diselesaikan esok.

Dalam pada itu, diminta mengulas kenyataan bekas Timbalan Panglima Tentera Darat, Datuk Ghafir Abdul Hamid memperlekehkan anggota keselamatan, Zulkifeli dengan tegas berkata, kenyataan itu sama sekali tidak boleh diterima kerana beliau tidak tahu situasi sebenar di sini.

Beliau walaubagaimanapun enggan mengulas lanjut pandangan bekas Timbalan Panglima Tentera Darat itu.